



UNITARIANISM DALAM AJARAN KRISTIAN: IDEA, SEJARAH DAN PERKEMBANGAN

Oleh:

Mahmud bin Ahmad*

abgfina@yahoo.com

Khadijah Mohd Khambali @ Hambali**

ijamh@um.edu.my

ABSTRACT

Unitarianism is one of the Christian sects or Christian church which highlighted the Oneness of God and there is no partner with Him; and regard Jesus as a created being; as a messenger of God; has lower position compared with God and he does not have the substance and nature of deity (divinity). The existence of the Unitarianism is regarded as 'reformation movement' in the teachings of Christianity. They and the fractions of this group is now enganging a rapid missionary activities throughout the world including Malaysia. Their approach of the doctrine of Divinity is found quite similar to the Islamic da'wah in emphasizing the Unity of God. Congregations and meetings held by them were attracted many Christians to participate in their belief. This phenomeNon is forcing us to see the extent of understanding or perception of this trend of 'Jesus.

Keynotes: Non-trinity, Christianity, Unitarianism, Unitarian, trinity.

* Mahmud bin Ahmad, M.A, adalah bekas pensyarah di Jabatan Islamic Studies, Universiti Kuala Lumpur, British Malaysian Institute. Kini merupakan calon SLAI Ph.D di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

** Khadijah binti Mohd. Khambali @ Hambali, PhD, adalah Profesor Madya di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Bidang kepakaran beliau adalah kajian perbandingan agama, dialog sesama dan antara budaya, peradaban dan agama dan pemikiran Islam.



PENDAHULUAN

Kewujudan doktrin Triniti dalam ajaran Kristian telah melahirkan dua pola pemikiran. Pertama, golongan yang menerima teologi Triniti¹ sebulat-bulatnya dan kedua, golongan yang mempertikaikan teologi ini. Berbangkitnya pertikaian ini adalah berasaskan kenyataan yang terdapat dalam Bible² dan pertikaian yang dikaitkan dengan keabsahan ‘penyaksian’ (*Christian creed*)³ doktrin Kristian yang dimeterai pada tahun 325 Masihi

¹ Triniti menurut majoriti Kristian adalah kepercayaan yang berasaskan tiga entiti Tuhan (Tuhan Bapa, Tuhan Anak dan Ruh Kudus) dalam satu Tuhan (*Godhead*). Untuk mengetahui lebih terperinci teori istilah ini, sila lihat: Bowker, John (2000), *Oxford Dictionary of World Religion*, New York: Oxford University Press. h. 603.

² ‘Bible’ adalah kitab suci penganut Kristian yang menggabungkan dua bahagian utama, iaitu: Perjanjian Lama (*Old Testament* - yang dianggap bagi pengikut Kristian sebagai Taurat) dan Perjanjian Baru (atau dikenali sebagai Gospel @ Khabar Baik). Ramai dalam kalangan umat Islam umumnya melihat Bible adalah ‘Injil’, walaubagaimanapun, hakikatnya Bible ataupun Perjanjian Baru yang menjadi sebahagian Bible itu bukanlah ‘Injil’ seperti yang disebut di dalam al-Qur'an (al-Mâ'i'dah 5:120). Bible menurut Dr. William Cambell, (debat bersama Dr. Zakir Abdul Karim Naik – CD terbitan Saba Islamic Media) merupakan lembaran-lembaran yang dikumpulkan pada zaman Paul dan zaman selepasnya yang mengandungi ucapan pengikut ‘Isâ a.s. (yang dkumpulkan oleh Paul), ucapan Paul tentang ‘Isâ a.s. dan pengikutnya serta surat-surat yang ditulis Paul kepada golongan bukan Yahudi untuk berdakwah. Perjanjian Baru ini dianggap oleh Kristian sebagai ‘Khabar Baik @ Khabar Gembira’ yang mengandungi perjanjian-perjanjian baru antara ‘tuhan’ dengan penganut Kristian. Perjanjian yang baru ini seolah-olah memansuhkan beberapa aspek ‘Perjanjian Lama’ yang dimeterai antara ‘Tuhan’ dan Nabi Mûsâ a.s.. Antara penekanan utama isi kandungan Perjanjian Baru ialah keyakinan terhadap ‘ketuhanan’ ‘Isâ a.s. yang mana dengan keyakinan ini dapat membebaskan mereka dari ‘Dosa Warisan’.

³ *We believe in one God, the Father Almighty, maker of all things, visible and invisible, and in one Lord, Jesus Christ, the Son of God, the only-begotten of the Father, that is, of the substance (ousia) of the Father, God from God, light from light, true God from true God, begotten not made, of one substance (homoeousion) with the Father, through whom all things were made, those things that are on heaven and those things that are on earth, who for us men and for our salvation came down and was made man, suffered, rose again on the third day, ascended into the heavens and will come to judge the living and the dead. And we believe in the Holy Spirit.* Armstrong, Karen (1993), *A History of God*, New York: Ballantine Books, h. 111.



Unitarianism Dalam Ajaran Kristian: Idea, Sejarah Dan Perkembangan

dalam Majlis Nicaea (*Creed of Nicaea*)⁴. Di mana agenda pengiktirafan terhadap penyaksian ‘ketuhanan’ ‘Īsā a.s. ketika Majlis Nicaea berbaur politik dan hanya bersifat menjaga kepentingan gereja-gereja tertentu. Penyaksian ini dipertikaikan sehingga meletakkan penganut ajaran Kristian secara keseluruhan terbahagi kepada dua aliran utama; iaitu Kristian *Trinitarian*⁵ dan Kristian *Non-Trinitarian*⁶. Trinitarian adalah golongan yang berpegang kepada akidah Triniti, yang menjadi asas keimanan gereja-gereja utama Kristian, seperti Kristian *Orient Orthodox*⁷, *Eastern Orthodox*⁸,

-
- ⁴ Council of Nicaea merupakan majlis perhimpunan pertama pihak gereja pada tahun 325 Masihi. Kini tempat tersebut dikenali sebagai Iznik, di utara barat Turkey. Perhimpunan ini mengumpulkan paderi-paderi yang dipanggil oleh Raja Constantine untuk menyelesaikan pertikaian paderi Arius (*Arian Controversy*) berhubung doktrin ‘ketuhanan’ ‘Īsā a.s..
- ⁵ Aliran Trinitarian adalah seperti yang diketahui umum; antaranya Catholic, Orthodox, sebahagian Protestant dan Anglican.
- ⁶ Kewujudan aliran yang menolak doktrin Triniti telah pun berkembang sebelum daripada pengistiharan doktrin Kristian (*Nicaea Creed*) pada 325 Masihi di Majlis Nicaea. Golongan Non-Triniti di awal sejarah (1 hingga 300 Masihi) masih menggunakan konsep ajaran dan amalan masyarakat Yahudi. Di mana mereka menolak persepsi ‘Tuhan’ dalam tiga entiti (Triniti). Antara aliran Non-trinitarian sebelum Majlis Nicaea dan aliran yang masih wujud sehingga kini seperti; Mormon, Arianism, Kristian Yahudi, Penyaksi Jehovah, Pelajar Bible, Unitarianism, Socianism, Monarchianis, Sabbelianism dan beberapa aliran-aliran lain lagi. (Kajian Ph.D yang sedang dijalankan oleh pengkaji – Mahmud bin Ahmad di bawah tajuk ‘Doktrin Non-Triniti dalam Kristian; Analisis Sejarah, Aliran dan Penelitian Tekstual’ mendapat terdapat 23 hingga 25 aliran atau gereja yang menolak doktrin Triniti sama ada yang masih wujud ataupun tidak.
- ⁷ Orient Orthodox hanya mengiktiraf tiga majlis terpenting dalam sejarah Kristian; Majlis Nicaea (325 masihi), Majlis Constantinople (381 Masihi) dan Majlis Ephesus (431 Masihi). Mereka menolak keputusan yang di buat di dalam Majlis Chalcedon (451 Masihi). Gereja-gereja Orient Orthodox juga dikenali sebagai Old Oriental Churches atau Non-Chalcedonian Churches. Orient Orthodox terdiri dari enam kumpulan: 1-Coptic Orthodox, 2-Syriac Orthodox, 3-Ethiopian Orthodox, 4-Eritrean Orthodox, 5-Malankara Orthodox Syrian Church (India) dan 6-Gereja Armenian Apostolic. Lihat; Charles, R. H. (1916), *The Chronicle of John, Bishop of Nikiu*: terjemahan dari Teks Ethiopic Zotenbergs, Australia: Evolution Publishing, h. 5.
- ⁸ Eastern Orthodox merupakan kelompok kedua terbesar dalam ajaran Kristian. Kristian Orthodok menganggap gereja mereka merupakan gereja yang membawa mesej sebenar ajaran Kristian. (*the original true Christian Church*) yang ditubuhkan oleh ‘Īsā a.s. dan pengikutnya sejak 2000 tahun yang lampau. Mereka mendakwa hanya kumpulan mereka yang masih mengekalkan ajaran dan amalan yang dibawa oleh ‘Īsā a.s..



Roman Catholic⁹, Protestant Reformation¹⁰, gereja Anglican¹¹ dan gereja Lutheranism¹². Manakala golongan Kristian Non-Trinitarian adalah mereka yang menganggap Triniti bukan sebahagian dari akidah mereka. Doktrin triniti dianggap sebagai suatu penyimpangan doktrin sebenar 'Īsā a.s.. Bermula daripada penolakan idea-idea gereja yang berat sebelah, di mana gereja biasanya tidak membenarkan doktrin gereja dipertikaikan, maka golongan-golongan yang kurang selesa dengan persepsi 'Tuhan Satu dalam Tiga – Tiga dalam Satu' mula mencari jalan penyelesaian kepada definasi ini. Akhirnya terpisahlah golongan ini dengan kebanyakan Kristian Trinitarian

⁹ Roman Katholik secara rasminya dikenali sebagai Gereja Katholik. Kumpulan terbesar dalam semua aliran Kristian ini merangkumi 1/6 dari penduduk dunia. Kini kumpulan ini diketuai oleh Pope Benedict XVI. Terdapat hampir 2,782 kumpulan pengurusan dibahagikan kepada 23 ahli jawatankuasa - 1 jawatankuasa di sebalah Barat, 22 jawatankuasa di sebelah Timur (*Latin Rite & Eastern Rite*). Gereja-gereja Katholik menganggap misi mereka adalah menyebarkan mesej dari 'Īsā a.s.; iaitu menguruskan amalan (*sacraments*) dan menjalankan aktiviti kebajikan. Mereka bergiat aktif dalam menggerakkan aktiviti sosial dan pembinaan institusi ke seluruh dunia, seperti pembinaan sekolah, universiti, hospital, pusat perlindungan dan pusat-pusat pentadbiran kebajikan masyarakat. Lihat: Cross, F.L. dan Livingstone, E.A. (eds.) (2005), *The Oxford Dictionary of the Christian Church*, New York: Oxford University Press.

¹⁰ Aliran Protestant merupakan gerakan pemulihian Kristian yang muncul di Eropah pada tahun 1517. Walaubagaimanapun, kewujudan anasir kumpulan ini boleh dilihat jauh di dalam sejarah Kristian. Kumpulan ini diketuai oleh seorang rahib, ahli teologi dan juga seorang professor; Martin Luther. Pada peringkat awal kemunculan kumpulan ini bertujuan memperbaiki masalah dalaman gereja-gereja Katholik, terutamanya yang berkaitan dengan doktrin-doktrin palsu dan penjualan 'surat pembebasan'. Lebih kritikal lagi apabila jawatankuasa gereja Katholik dapat dijualbeli. Martin dan pengikutnya telah melancarkan gerakan menolak semua ajaran dari gereja Katholik secara besar-besaran. Hillerbrand, Hans J. (2007) *Martin Luther: Significance; Encyclopaedia Britannica*. Lihat juga Elmer, Peter (2000), *The Renaissance in Europe Challenges to Authority*, Vol. 3, Yale: Yale University Press, h. 25.

¹¹ Anglican berasal dari perkataan Latin iaitu *ecclesia anglicana*, bermaksud Gereja England (*English Church*). Mengikut sejarah, kemunculan kumpulan Kristian ini berkait dengan gereja-gereja di England. Mereka agak sedikit berbeza dalam persepsi teologi dan cara ibadat. Gereja-gereja Anglican banyak muncul di Amerika dan Canada selepas daripada Revolusi Amerika (1763-1783). Pentadbiran gereja Anglican bebas darikekangan gereja Katholik maupun Orthodok. Nichols, A (1993), *The Panther and the Hind—A Theological History of Anglicanism*. New York: Clark, h. 128.

¹² Lutheranism juga muncul hasil dari cetusan reformasi yang dibawa oleh Martin Luther. Tetapi gereja-gereja Lutheranism tidak membawa ideologi dan amalan (*sacrament*) Gereja Reformis.



Unitarianism Dalam Ajaran Kristian: Idea, Sejarah Dan Perkembangan

dengan membawa idea mereka sendiri bersandarkan sejarah perkembangan teologi Kristian dan kenyataan Bible. Aliran-aliran Non-Triniti mula bergiat aktif serta mencari pengikut yang berkomited terhadap doktrin Non-Triniti, antaranya ialah aliran dari Unitarianism¹³.

UNITARIANISM

Unitarianism adalah salah satu aliran Non-Triniti yang hanya mengakui bahawa Allah S.W.T. itu sahajalah Tuhan, dan doktrin ini sekaligus menganggap fahaman mereka sebagai doktrin Kristian sebenar. Kristian Unitarian mempercayai bahawa di dalam ajaran ‘Isā a.s. (*Jesus of Nazareth*), seperti yang terdapat dalam Perjanjian Baru (Matius 5:17/Matthew 5:17) serta dokumen-dokumen (*writings*) Kristian kuno¹⁴, ‘Isā a.s. hanyalah seorang ‘contoh’ bagi semua penganut Kristian. Unitarian hanya berpegang teguh dengan monotheistik; mereka hanya menganggap ‘Isā a.s. adalah seorang ‘lelaki yang hebat’ serta ‘utusan’ Tuhan termulia. Kelebihan dan kemuliaan peribadi yang dimiliki oleh ‘Isā a.s. ialah ciri-ciri sepertimana yang dimiliki oleh utusan-utusan Allah S.W.T. yang lain. Ini secara langsung tidak bermakna Baginda adalah ‘Tuhan’ seperti yang dipercayai oleh penganut Kristian yang lain. ‘Keselamatan’ (*Salvation*) bagi Unitarianism adalah melalui akhlak dan moral, bukan ‘keselamatan’ itu melalui keimanan bahawa ‘Isā a.s. itu ‘Tuhan’ yang patut disembah. Unitarianism menolak doa atau sembahyang (*prayers*) kepada ‘Isā a.s.. Ini memberi gambaran bahawa konsep ketuhanan dan keimanan Unitarianism adalah amat berbeza dengan teologi Katholik, Orthodox, sebahagian Kristian Protestant dan aliran Kristian lain yang meletakkan asas kepercayaan Kristian ialah keimanan kepada teologi Triniti.

Walaubagaimanapun, aliran Unitarian turut memiliki perbezaan pandangan berbanding aliran Non-Triniti yang lain. Umpamanya, sesetengah aliran Non-Triniti hanya menganggap ‘Tuhan Bapa’ sebagai ‘satu entiti’ yang berbeza dengan ‘Isā a.s. tetapi masih menganggap ‘Isā a.s. memiliki sifat-sifat ketuhanan (*divinity*) dan Baginda disifatkan sebagai ‘Anak Tuhan’. Aliran seumpama ini lebih dikenali sebagai ‘anti-Trinitarian’.

¹³ Saifuddin Md. Rasip (2002), “Unitarianism in Christianity; A Historical and Textual Analysis”, Tesis Phd di Kulliyyah of Revealed Knowledge and Human Sciences, Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

¹⁴ Antara karya-karya awal Kristian adalah seperti *Apostolic Fathers* di dalam bahasa Greek, ‘the Summa Theologica’, dokumen daripada St. Thomas Aquinas, Deane’s ‘Pseudepigrapha’, Athanasius, Augustine, Boethius, Irenaeus, Origen, dan Salvian. Lihat bacaan online di laman: <http://www.ccel.org/> (8 Julai 2009).



SEJARAH PENOLAKAN DOKTRIN TRINITI

Kemunculan fahaman Unitarian ini dapat dilihat dari awal pembentukan doktrin Triniti (*Creed of Nicaea*) pada tahun 325 Masihi, yang memperlihatkan penentangan Arius¹⁵ terhadap perubahan paradigma teologi ‘pure monotheism’ ke arah doktrin Triniti ‘polytheism’ yang dipelopori oleh Alexander.¹⁶ Arius mendakwateologi Triniti ini memiliki nilai-nilai politheistik, kerana menyamakan kedudukan ‘Isā a.s. dengan ‘Tuhan Bapa’. Beliau yang menyebarluaskan fahaman ini di awal 4 Masihi telah menimbulkan satu kontroversi yang dianggap bertentangan dengan keputusan Majlis Nicaea. Arius telah menolak keputusan majlis berkenaan yang mengaitkan persamaan antara kedudukan Tuhan Bapa dan ‘Isā a.s., dengan mengatakan bahawa ‘Isā a.s. bukan sebahagian dari Tuhan Bapa. Pada tahun 318 Masihi, beliau berdebat dengan ketua paderi, Alexander dari Alexandria di mana beliau menegaskan bahawa Tuhan Anak tidak pernah wujud sebelum Tuhan Bapa ‘melahirkannya’.

Beliau telah menggesa pengikut ajaran ‘Isā a.s. untuk kembali kepada ajaran asal Baginda yang berakar umbi dari akidah Yahudi - monotheistik. Alexander yang mendapat sokongan dari Raja Constantine¹⁷ telah menolak fahaman Arius. Kajian setakat ini belum dapat memastikan mengapakah Raja Constantine cenderung untuk menyokong persepsi yang dibawa oleh Alexander berbanding teologi Arius. Apakah mungkin kerana Constantine berasal dari Rome – yang berpengaruh kepada idea-idea Hellenistik. Pengistiharan teologi Triniti bagi semua gereja-gereja Kristian dalam Majlis Nicaea telah menyebabkan Arius dan pengikutnya telah dianggap ‘sesat’ oleh pengikut ajaran Kristian. Arius bersama beberapa orang paderi lain telah dipecat, tetapi perbahasan isu teologi Kristian telah tersebar di wilayah timur jajahan Rom. Kesan daripada perdebatan gereja-gereja pada ketika itu telah menarik minat paderi-paderi yang belajar di bawah didikan Lucian di Antioch untuk bersepakat dengan Arius. Ajaran Arius telah dilabelkan sebagai doktrin sesat yang bertentangan dengan teologi Triniti. Sehingga kini doktrin Arius masih dianggap oleh kumpulan Gereja Roman Katolik (*Roman Catholic Church*), Gereja Ortodok Timur (*Eastern Orthodox Church*) dan sebahagian besar Gereja Protestant sebagai bukan teologi yang

¹⁵ Arius (250-336 Masihi) adalah paderi di Alexandria, Mesir.

¹⁶ Alexander (313-326 Masihi) merupakan paderi ke-19 di Alexandria. Beliau telah mengetuai paderi-paderi yang menentang ideologi Arius dalam Majlis di Nicaea. Christie, Albany James (1867), “Alexander of Alexandria” dalam (ed.) Smith, *Dictionary of Greek and Roman Biography and Mythology*, Boston: Little Brown and Company, h. 111-112.

¹⁷ Flavius Valerius Aurelius Constantinus (272-337 Masihi) lebih dikenali sebagai Constantine I, Constantine the Great (di kalangan Roman Katholik), dikenali Saint Constantine (di kalangan Eastern Orthodox dan Kristian Katholik di Byzantine), beliau merupakan Raja Rome berbangsa Illyri.



Unitarianism Dalam Ajaran Kristian: Idea, Sejarah Dan Perkembangan

diterima di dalam ajaran Kristian. Alexander pula telah diangkat sebagai guru utama kepada Athanasius, yang kini dianggap ketua saint (*wali*) bagi gereja *Coptic Orthodox* dan majoriti pengikut Kristian hari ini. Walaupun, fahaman Arius tidak digemari oleh pengikut Kristian, fahaman ini telah dikembangkan semula ketika berlakunya kemunculan Kristian Protestant.

POLA KEPERCAYAAN UNITARIANISM

Aliran ini menolak dogma ketuhanan sehingga mereka menemui fakta atau dalil yang menyokong kebenaran dogma ketuhanan itu. Tentang ‘ketuhanan’ ‘Īsā a.s., alam semesta dan tujuan hidup mestilah disokong dengan hujah akal, ilmu, sains, falsafah, kitab-kitab dan sejarah nabi-nabi terdahulu. Hanya dengan akal, sains dan kepercayaan akan dapat membantu seseorang untuk memahami fitrah ‘Tuhan’.

Aliran ini mengiktiraf semua nilai-nilai murni dalam sesuatu agama (*Religious Pluralism*), tetapi mengekalkan komitmen terhadap asas kepercayaan ajaran ‘Īsā a.s.. Unitarian yang bersifat liberal menolak perkongsian antara agama dan aspek pentadbiran negara. Unitarianism mengistiharkan akidah mereka adalah “*agama Īsā, bukan agama tentang Īsā a.s.*”.

Aliran ini tidak mengekang pengikutnya untuk taksub tradisi dan menerima secara total akidah mereka. Sebaliknya mereka menganjurkan supaya pengikut aliran ini ‘Membina sendiri Teologi mereka’. Mereka tidak menganggap hanya pemahaman mereka sahaja yang benar dan sahiih di dalam mencari ‘Tuhan’, malah menerima kritikan terhadap fahaman mereka. Majoriti Kristian lain menganggap aliran Unitarian ini adalah agama sinkritis. Mereka tidak memilih untuk menggunakan mana-mana simbol ketuhanan, patung-patung, lambang dan lukisan, bahkan semua elemen ini bukanlah suatu kewajipan dalam gereja mereka. Gereja-gereja Unitarian membenarkan perbezaan pendapat, pandangan, amalan dan pembawaan tersendiri dalam ajaran mereka. Mereka bebas untuk menilai siapa, bagaimana, rupa dan peranan ‘Tuhan’. Apa yang penting bagi aliran ini adalah memiliki jiwa yang ‘universal’ dan ‘keagungan dalam kehidupan’¹⁸. Sehubungan dengan itu, dapat dirumuskan bahawa dalam aliran Unitarian ini mereka menekankan beberapa prinsip kepercayaan terhadap teologi Kristian, iaitu:

1. Kepercayaan kepada Tuhan yang satu, Tuhan yang Esa.
2. Kehidupan dan ajaran ‘Īsā a.s. adalah model terbaik untuk dicontohi oleh pengikut Kristian.

¹⁸ Buehrens, John A. (1998), *A Chosen Faith: An Introduction to Unitarian Universalism*, Massachusetts: Beacon Press. h. 14.



3. Akal, rasional, sains dan falsafah mempunyai kaitan yang amat tinggi dengan pemahaman terhadap Tuhan.
4. Semua penganut Kristian bebas memilih cara memahami realiti ‘Ketuhanan’, justeru bertanggungjawab terhadap pembentukan peribadi dan amalan terhadap agama Kristian.
5. Mempercayai bahawa fitrah manusia adalah bersih dari sebarang unsur dosa dan kerosakan. Manusia itu bebas memilih jalan kehidupan, sama ada baik atau buruk.
6. Tiada agama atau aliran yang boleh mendakwa tentang kebenaran yang tulus atau ‘hanya yang benar’ tentang Ruh Kudus atau teologi Kristian.
7. Meyakini Bible adalah inspirasi dari ‘Tuhan’, tetapi ditulis dan diperbaiki (*edited*) oleh manusia – Paul. Maka Bible tidak terkecuali dari kesilapan dan perubahan.
8. Menolak sebarang doktrin yang mempersekuatkan Tuhan, atau doktrin yang bercanggah dengan sifat semulajadi ‘Isā (manusia) dan apa yang dibawanya.

PERSEPSI UNITARIAN TERHADAP ‘ISĀ A.S.

Terdapat dua bentuk pemahaman aliran Unitarian terhadap ‘Isā a.s.. Walaubagaimanapun, kedua-dua pemahaman ini tetap mengaggap ‘Tuhan’ adalah satu entiti. Hanya Dialah ‘Tuhan’ yang ‘Isā a.s. panggil ‘Tuhan Bapa’ dalam Bible.¹⁹ Menurut aliran ini, ungkapan ‘Isā a.s. itu ‘Tuhan’ atau ‘Anak Tuhan’ dalam Bible memberi dua pengertian; dan dalam masa yang sama mereka tetap tidak mengatakan ‘Isā a.s. itu adalah TUHAN atau Tuhan Bapa.

Pertama; ‘Anak Tuhan’ telah pun wujud dalam LOGOS²⁰ lalu bergabung dengan Tuhan sehingga melahirkan ‘Isā a.s.. ‘Isā a.s. walaubagaimanapun tidak bersifat kekal. ‘Anak Tuhan’ telah pun wujud sebelum kelahiran ‘Isā

¹⁹ *Al Kitab: Berita Baik* (2001), Selangor: Bible Society of Malaysia. Untuk keterangan tentang Bible, sila lihat: Khadijah Mohd. Khambali @ Hambali (1995), ”Triniti menurut agama Kristian”, *Jurnal Usuluddin*, Bil. 2, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

²⁰ Ketika Kristian mahu menyamakan kedudukan Tuhan dengan ‘Isā a.s., maka Logos adalah falsafah perantaraan antara Tuhan dan ‘Isā a.s.. Menurut Gospel Yohanes (John), inkarnasi ‘Isā a.s. adalah melalui Logos. Menerusi Logos inilah terbentuk semua isi alam, syurga dan ‘ilmu’. Keterangan lanjut sila lihat; Zeyl, Donald (1997), “Logos” dalam Johansen, K. F. (ed.), *Encyclopedia of Classical Philosophy*, Greenwood Press. Juga lihat: Juncker, Gunther (1994), “Christ As Angel: The Reclamation of a Primitive Title”, *Trinity Journal*, Vol. 15, No. 2, h. 221–250.



Unitarianism Dalam Ajaran Kristian: Idea, Sejarah Dan Perkembangan

a.s. ‘Anak Tuhan’ ini mempunyai nilai ketuhanan (*divine spirit*) sama seperti ‘Tuhan Bapa’. ‘Anak Tuhan’ dalam Logos ini kadang-kala difahami sebagai malaikat. Walaupun ‘Isā a.s. bukan Tuhan tetapi Baginda adalah ‘dari’ Tuhan. Kedudukan ‘Isā a.s. dalam aspek (*divinity*) adalah lebih tinggi dari semua manusia. Tokoh utama pemikiran ini ialah Arius diikuti penyokong dan pendokong yang sealiran dengannya seperti Justin Martyr, Lucian of Antioch, Eusebius of Caesarea, Eusebius of Nicomedia, Asterius the Sophist, Eunomius, Ulfilas, Felix serta Bishop of Urgel. Mereka mempercayai sifat ‘ketuhanan’ yang ada pada diri ‘Isā a.s. adalah satu fitrah, di mana ‘ketuhanan’ ‘Isā dalam bentuk manusia adalah anugerah Tuhan Bapa, satu anugerah yang bersifat ‘pemberian’ (pemikiran ini menggelarnya-*adoption*). Pemahaman Arianism ini kekal di kalangan Unitarian di Transylvania, Hungary, France, serta beberapa negara Africa. Selain itu tokoh Unitarian yang mendokong Arianism ini adalah Isaac Newton²¹, Andrews Norton²² dan William Ellery Channing²³.

Pun begitu pada abad ke-19, beberapa ‘pendakwah’ Kristian Unitarian dan pendokong Revivalist Kristian telah mengubah sedikit pemahaman Arianism, kepada Subordinationism. Ia merupakan doktrin yang menganggap ‘Tuhan Anak’ dan ‘Tuhan Ruh Kudus’ bukan sekadar berkaitan dengan ‘Tuhan Bapa’, tetapi berkait dengan alam dan manusia. Hirarki Triniti menurut fahaman ini meletakkan kedudukan ‘Tuhan Anak’ dan ‘Tuhan Ruh Kudus’ lebih rendah dari ‘Tuhan Bapa’. Pemikiran ini akhirnya lebih dikenali sebagai Non-Trinitarian

²¹ Isaac Newton (1643-1727) adalah seorang tokoh teologi, matematik, falsafah, sains dan ahli fizik yang disanjung oleh Barat kerana karya sainsnya yang menempah nama sebagai ‘most influential books in the history of science’ iaitu; *Philosophiae Naturalis Principia Mathematica*, Menurut Snobelan Stephan Isaac Newton telah dianggap terkeluar dari ajaran Kristian kerana beliau tidak pernah membuat apa-apa pengakuan terhadap ‘penyaksian Triniti’. Lihat: <http://www.isaac-newton.org/heretic.pdf> (6 Julai 2009).

²² Andrew Norton telah dilahirkan pada tahun 1965 Masihi di Australia. Beliau adalah Research Fellow di The Centre for Independent Studies. Beliau juga merupakan Penasihat bagi Jabatan Polisi dan Hubungan Kerajaan (Policy and Government Relations Adviser) di University of Melbourne. Dahulunya beliau bertindak sebagai pengarah CIS’s Liberalising Learning Research Programme, selain menjadi editor journal *Policy*. http://en.wikipedia.org/wiki/Andrew_Norton (7 Julai 2009)

²³ W.E. Channing (1844) *Unitarian Christianity*.



berbanding Unitarian. Di antara tokoh abad ini adalah Barton W. Stone²⁴ dan Charles Taze Russell²⁵.

Pemikiran **kedua** dari Unitarian tentang ungkapan ‘Anak Tuhan’ pula mengatakan bahawa, ‘Isā a.s. hanyalah seorang manusia yang agung, yang memiliki Ruh Kudus, yang dipancarkan (*incarnate*) dari Logos ‘Tuhan’. Aliran pemikiran ini turut dikenali sebagai Psilanthropism atau Socianism. Pemikiran ini berkait dengan kemunculan pemikir-pemikir dalam sejarah awal gereja Kristian seperti the Ebionites²⁶, Theodotus of Byzantium²⁷, Artemon, dan Paul of Samosata²⁸. Pada abad ke-4 muncul pula Marcellus of

²⁴ Barton Warren Stone (1772-1844) merupakan tokoh terkenal yang mengembangkan ajaran Kristian sekitar abad ke-19, iaitu zaman yang dikenali sebagai ‘Second Great Awakening’. Beliau telah menjadi pentadbir pertama gereja Presbyterian dan dikatakan pencetus gerakan ‘Restoration’. Pengikut-pengikutnya dikenali sebagai ‘New Light’ dan ‘Stoneites’. Antara ideanya ialah mempertahankan ‘keaslian’ kitab suci Bible yang dilihat oleh sebahagian aliran gereja Kristian yang lain sebagai suatu penyimpangan (*heresy*).

²⁵ Charles Taze Russell (1852-1916) adalah tokoh di awal abad ke-20 yang telah menghidupkan satu aliran Kristian Non-Triniti yang dikenali ‘Restorationist Minister’ atau ‘Bible Student Movement’. Ia ditubuhkan di Pittsburgh, Pennsylvania, Amerika Syarikat. Hasil dari idea-idea beliau yang membuat kajian dan kritikan terhadap perbezaan versi-versi Bible yang wujud, maka muncul pula satu lagi aliran yang giat menjalankan aktiviti ‘pemuliharaan’ Kristian yang dikenali Jehovah Witness. Pada tahun 1879, beliau telah mula menerbitkan jurnal agama iaitu *Zion’s Watch Tower* dan *Herald of Christ’s Presence*. Kini majalah terbitan beliau dikenali sebagai *The Watchtower Announcing Jehovah’s Kingdom*. http://en.wikipedia.org/wiki/Charles_Taze_Russell (8 Julai 2009).

²⁶ Ebionite merupakan kumpulan ‘Jewish-Christian’ yang menekankan kepentingan menurut undang-undang agama Yahudi dan amalan Yahudi. Asasnya mereka menganggap ‘Isā a.s. adalah seorang Messiah bukan seorang ‘tuhan’. Mereka juga menafikan ajaran Paul kerana daripada idea-idea Paul ajaran ‘Isa a.s. telah menyimpang daripada ajaran Yahudi.

<http://www.britannica.com/EBchecked/topic/177608/Ebionites> (7 Julai 2009)

²⁷ Beliau juga dikenali Theodotus the Tanner atau Theodotus the Shoemaker, kemunculan beliau seawal abad ke-2 telah menimbulkan kemarahan pihak gereja kerana karyanya yang mengatakan ‘Isā a.s. telah lahir secara fitrah dari Maryam a.s. dan Ruh Kudus sebenarnya ‘seorang manusia kekal’ (*a mortal man*), selepas ‘Isā a.s. dibaptiskan barulah ‘Isā a.s. diambil sebagai ‘anak angkat Tuhan’ dan dia menjadi ‘Tuhan’ selepas ‘kematiannya’. Doktrin ini dikenali sebagai ‘Dynamic Monarchianism’ atau ‘Adoptionism’. Sekitar tahun 189 Masihi Pope Victor I telah mengistiharkan pemikiran ini sebagai ajaran sesat dan Theodotus telah dikenakan tindakan. Lempe P. Johnson Md. Steinhauser (2003) *From Paul to Valentius; Christian at Rome in the First Two Centuries* (trans.) Fortress Press: Minneapolis, h. 344.

²⁸ Paul of Samosata (200-257) adalah Bishop di Antioch. Pemikiran beliau menyamai aliran ‘Adoptionism’ dan beliau sendiri menjadi sebahagian pelopor



Unitarianism Dalam Ajaran Kristian: Idea, Sejarah Dan Perkembangan

Ancyra²⁹ serta pelajarnya Photinus, diikuti dengan kemunculan para tokoh aliran ini dari Protestant Reformation seperti Michael Servetus³⁰, Ferenc Dávid and Faustus Socinus³¹.

Pada abad ke-19, idea ini kemudiannya lebih dipelopori kumpulan Rationalist Unitarianism yang muncul dari gerakan Rasionalis German. Pengikut aliran ini memiliki tahap pemikiran yang tinggi serta menjalankan aktiviti pendekatan kemanusiaan. Mereka menolak cerita-cerita ‘khurafat’ dan doktrin yang bercanggah dalam Bible, termasuklah kisah Maryam a.s. yang melahirkan ‘Īsā a.s. tanpa bapa. Penekanan ajaran mereka menjurus kepada ‘nilai kebaikan yang terdapat dalam diri seseorang’. Antara tokoh Rationalist Unitarianism adalah Ralph Waldo Emerson dan Theodore Parker dalam bidang teologi dan kementerian, Joseph Priestley dan Linus Pauling dalam bidang sains, Susan B. Anthony dan Florence Nightingale dalam bidang kemanusiaan (*humanitarianism*) dan keadilan sosial (*social justice*), Charles Dickens dalam bidang falsafah dan Frank Lloyd Wright dalam bidang kesenian. Kebanyakan Unitarian di Hungary mendokong prinsip Rationalist Unitarianism. Pusat pengajian tinggi di Akademi John Sigismund Unitarian, di Cluj Napoca (Kolozsvár, Klausenburg),

aliran ‘Monarchianism’ yang menganggap ‘Tuhan’ memiliki monarki tertinggi. http://en.wikipedia.org/wiki/Paul_Samosata (7 Julai 2009)

²⁹ Walaupun Marcellus of Ancyra (?-374) pernah menjadi sebahagian ahli majlis Ancyra dan majlis Nicaea kerana menentang keras idea Arianism, beliau sendiri telah ditentang akhirnya kerana dikatakan menjadi pengikut idea aliran ‘Sabellianism’ iaitu pecahan dari aliran ‘Monarchianism’ yang telah dilebelkan sebagai Kristian Non-Triniti. Lebih malang lagi apabila beliau telah dihalau keluar dari kampungnya dan hanya akan dibenarkan kembali asalkan beliau dapat memencangkan dirinya dari masyarakat. http://en.wikipedia.org/wiki/Marcellus_of_Ancyra (7 Julai 2009)

³⁰ Michael Servetus atau Miguel Serveto (1511-1533) merupakan ahli fizik, teologi, cartographer dan humanist berbangsa Spain. Beliau adalah orang Eropah pertama yang dapat menjelaskan peranan ‘pulmonary circulation’ (sistem darah dan oksigen dalam jantung). Beliau mahir di dalam pelbagai bidang, antaranya astronomi, meteorologi, geografi dan perundangan. Beliau juga telah mendalami selok-belok Bible, matematik, anatomi dan perubatan. Ketika beliau menceburji gerakan Protestant Reformation, beliau telah melahirkan idea-idea ‘Non-trinitarian Christology’ yang akhirnya beliau ditentang oleh gereja-gereja Katholik dan Protestant, beliau telah ditangkap di Geneva dan dibakar kerana penyelewengan yang beliau lakukan. http://en.wikipedia.org/wiki/Michael_Servetus (7 Julai 2009).

³¹ Beliau adalah anak kelahiran Itali yang juga dikenali sebagai Fausto Paolo Sozzini atau Faust Socyn (di dalam bahasa Poland), pada tahun 1539-1604 di Luslawice. Beliau telah mengasaskan aliran ‘Socinianism’ iaitu cabang dari teori teologi Polish Brethren (Gereja Protestant Poland). http://en.wikipedia.org/wiki/Faustus_Socinus (7 Julai 2009).



Romania, telah turut memasukkan pengajaran Rationalist Unitarianism. Konsep memahami kedudukan 'Īsā a.s. bagi golongan Psilanthropist atau Socinianism lebih menjurus seperti pandangan Islam yang meyakini bahawa 'Īsā a.s. hanyalah manusia biasa yang terpilih sebagai utusan tuhan dan 'Īsā a.s. bukannya Tuhan.

HUJAH UNITARIANISM³² MENOLAK TRINITI

Jika dilihat di dalam mana-mana Bible terdapat dua bentuk kenyataan. Petikan-petikan yang menunjukkan 'Īsā a.s. itu 'Anak Tuhan'³³ dan begitu pula petikan-petikan yang jelas menunjukkan 'Īsā a.s. bukanlah seorang 'Tuhan' atau 'Anak Tuhan'. Justeru dua bentuk percanggahan yang terdapat di dalam Bible ini mendorong golongan-golongan Non-Triniti mempertikaikan keabsahan kenyataan yang mengatakan 'Īsā 'Anak Tuhan'. Berikut, merupakan kenyataan Bible yang menunjukkan 'Īsā a.s. bukan 'Anak Tuhan' berpandukan tajuk-tajuk yang telah dibuat oleh penyunting - *The Bible Society of Malaysia*:

1. PERJANJIAN LAMA (*THE OLD TESTAMENT*):

Sepuluh Hukum Allah (*Ten Commandments*)

Kemudian Allah berfirman, dan inilah firmanNya. 'Akulah TUHAN, Allah kamu yang membawa kamu keluar dari Mesir; tempat kamu dijadikan hamba. Janganlah sembah tuhan-tuhan lain; sembahlah Aku sahaja. Jangan buat patung bagi diri kamu, patung yang menyerupai apa-apa pun yang ada di langit, di bumi. Jangan sujud atau sembah kepada patung apa pun, kerana Akulah TUHAN, Allah kamu, dan Aku tidak mahu disamakan dengan apa-apa pun. Aku menghukum orang yang membenci Aku. Aku juga menghukum keturunan mereka sehingga generasi yang ketiga dan keempat. Tetapi Aku menunjukkan kasihKu kepada beribu-ribu keturunan orang yang mengasihi Aku dan taat kepada hukumKu.³⁴

Hukum yang Terutama

Ingatlah, hai Israel! TUHAN – dan TUHAN satu-satunya – ialah Allah kita.³⁵

³² Kenyataan-kenyataan Bible dipetik dari *AlKitab: Berita Baik* (2001), Selangor: The Bible Society of Malaysia.

³³ Antara kenyataan-kenyataan Bible yang mengatakan 'Īsā a.s. 'Anak Tuhan' adalah seperti (Matius 28: 19), (Markus 1: 10-11), (Lukas 1: 35), (Yohanes 3:16).

³⁴ (*Exodus*) Keluaran 20:1-6.

³⁵ (*Deuteronomy*) Ulangan 5:4.



Hamba TUHAN

*Akulah TUHAN, itulah nama-Ku. Aku tidak akan memberikan kemuliaan-Ku kepada sesiapa, atau pujian-Ku kepada mana-mana berhala.*³⁶

TUHAN Satu-satunya Allah

*TUHAN yang memerintah dan melindungi Israel, TUHAN Yang Maha Kuasa berfirman, ‘Akulah yang pertama dan yang terakhir; Allah satu-satu; selain Aku, tiada yang lain. Siapakah dapat melakukan apa yang telah Kubuat? Siapakah dapat meramalkan apa yang akan berlaku sejak permulaan hingga akhir zaman?*³⁷

Raja Pilihan Allah

*Raja bertitah, ‘Aku akan mengumumkan apa yang dinyatakan oleh TUHAN. Dia berfirman kepadaku, ‘Engkaulah anak-Ku’.*³⁸

2. PERJANJIAN BARU (*THE NEW TESTAMENT*)

Ajaran tentang Taurat

*Janganlah menganggap bahawa Aku datang untuk menghapuskan Taurat Musa dan ajaran Nabi-nabi. Aku tidak datang untuk menghapuskannya, tetapi Aku datang supaya semua ajaran itu berlaku....*³⁹

Orang Muda yang Kaya

*Pada suatu hari seorang lelaki datang kepada Yesus. Dia bertanya, ‘Guru, perbuatan baik apakah yang harus saya lakukan supaya beroleh hidup sejati dan kekal?’. Yesus menjawab, ‘Mengapakah kamu bertanya kepada-Ku tentang apa yang baik? Hanya Allah yang baik. Taatilah hukum Allah jika kamu hendak beroleh hidup sejati dan kekal’.*⁴⁰

³⁶ (*Isaiah*) Yesaya 42:8.

³⁷ (*Isaiah*) Yesaya 44:6-7.

³⁸ (*Psalms*) Mazmur 2:7.

³⁹ (*Matthew*) Matius 5:17.

⁴⁰ (*Matthew*) Matius 19:16-17.



Orang Kaya

Mengapakah kamu mengatakan Aku?, tanya Yesus. ‘Tiada seorang pun yang baik kecuali Allah’.⁴¹

Tidak Seorang pun Mengetahui Hari dan Waktunya

‘Meskipun demikian, tidak seorang pun mengetahui hari atau waktunya, baik malaikat-malaikat di syurga atau pun Anak; hanya Bapa yang tahu’.⁴²

Senarai Nenek Moyang Yesus

...Anak Enos, anak Set, anak Adam, anak Allah.⁴³

Ke Tempat Aku Pergi Kamu Tidak Boleh Pergi

Dia yang mengutus Aku ada bersama-sama Aku. Dia tidak pernah membiarkan Aku sendirian, kerana Aku sentiasa melakukan apa yang menyenangkan hatiNya.⁴⁴

Jesus Berdoa bagi Pengikut-pengikutnya

Jika orang mengenal Engkau, satu-satunya Allah yang benar, dan mengenal Yesus Kristus yang sudah Engkau utus, maka mereka mendapat hidup sejati dan kekal.⁴⁵

Berita tentang Kristus yang Disalib

Oleh itu, ketika aku datang kepada kamu, aku lemah dan gementar kerana ketakutan.⁴⁶

Tentang Makanan yang Dipersembahkan kepada Berhala

Tetapi bagi kita Allah hanya satu, Dia Bapa yang menciptakan segala sesuatu, dan untuk Dialah kita hidup...⁴⁷

⁴¹ (Mark) Markus 10:18, (Luke) Lukas18:18-19.

⁴² (Mark) Markus 13:32.

⁴³ (Luke) Lukas 3: 23-38.

⁴⁴ (John) Yohanes 8:29.

⁴⁵ (John) Yohanes 17:3.

⁴⁶ (1 Corinthians) 1 Korintus 2:3.

⁴⁷ (1 Corinthians) 1 Korintus 8:6.



Paul Bersyukur kepada Allah

Marilah kita bersyukur kepada Allah, Bapa Tuhan kita Yesus Kristus. Dia Bapa yang belas kasihan dan Dia Allah yang sentiasa menolong kita.⁴⁸

Taurat dan Janji Allah

Seorang perantara diperlukan apabila ada dua pihak. Tetapi Allah tidak memerlukan perantara, kerana Dia sendiri bertindak.⁴⁹

Peranan Taurat

Dia diutus untuk membebaskan orang yang hidup di bawah Taurat, supaya kita boleh menjadi anak-anak Allah.⁵⁰

Kesatuan Tubuh Kristus

Hanya ada satu Tuhan, satu iman,satu baptisan. Dan satu Allah, Bapa semua orang. Dialah Tuhan semua orang, yang bekerja melalui semua orang , dan tinggal di dalam semua orang.⁵¹

Imam Melkisedek

Tidak ada catatan tentang ibu bapa Melkisedek ataupun nenek moyangnya. Tidak ada catatan tentang kelahirannya ataupun kematiannya. Dia seperti Anak Allah; dia menjadi imam selama-lamanya.⁵²

PERKEMBANGAN GEREJA-GEREJA UNITARIAN

Terdapat beberapa pola pemikiran di dalam aliran Unitarian. Perbezaan ini terletak pada peranan gereja di dalam sesebuah kawasan. Perubahan zaman dan tempat menyebabkan banyak perubahan yang berlaku dalam tradisi kepercayaan Unitarian asal. Pada tahun sekitar 1890, American Unitarian Association telah menerima pakai nilai-nilai Kristian Non-triniti dan nilai-nilai pagan dalam ajaran mereka. Selama mana mereka sealiran dengan pemikiran Unitarian, sama ada mereka dari pemikiran Unitarian Kristian,

⁴⁸ (2 Corinthians) 2 Korintus 1:3.

⁴⁹ (Galatians) Galatia 3:20.

⁵⁰ (Galatians) Galatia 4:5

⁵¹ (Ephesians) Efesus 4:5.

⁵² (Hebrews) Ibrani 7:3.



Unitarian Moden, Unitarian Liberal, Unitarian Universal, Unitarian Konservatif, Restoration Fellowship ataupun Burundi (Unitarian di Afrika), mereka tetap dianggap sebagai ahli kepada Unitarian Universalist Association dan International Council of Unitarians and Universalist⁵³. Selain daripada itu Christadelphians, Church of God of the Abrahamic Faith dan Biblical Unitarians adalah dari aliran yang aktif menyebarluaskan fahaman Unitarian, mereka dikenali sebagai Evangelical Unitarians.

Gereja merupakan satu institusi yang amat penting di dalam mengekalkan dan meneruskan aliran fahaman Kristian. Justeru, kemunculan serta kekuatan sesebuah gereja menjadi ukuran terhadap kesinambungan ideologi aliran-aliran dalam ajaran Kristian. Di antara gereja-gereja Unitarian yang banyak memainkan peranan di dalam mengukuhkan aliran Unitarian seterusnya diterima-pakai idea-idea 'ketuhanan' mereka ialah:⁵⁴

1. **The Unitarian Church of All Souls** – didirikan pada tahun 1819. Ia merupakan salah sebuah gereja terbesar dan paling berpengaruh dalam aliran Unitarian ini. Ucapan William Ellery Channing di bandar New York telah memukau ribuan kunjungan ketika awal penubuhan gereja ini. Di antara ahli gereja ini adalah Herman Melville, Peter Cooper dan pendita Henry Whitney Bellows.
2. **All Souls Unitarian Church of Tulsa** - didirikan pada tahun 1921, adalah salah sebuah gereja dengan keanggotaan terbanyak di Universal Unitarian Association.
3. **All Souls Church** di Braintree, Massachusetts - adalah salah sebuah dari gereja hasil penyatuan (Unitarian dan Universalis).
4. **All Souls Church Unitarian**, di Washington - didirikan pada tahun 1821 oleh John Quincy Adams.
5. **Arlington Street Church** di Boston - adalah gereja yang didirikan oleh William Ellery Channing dan Dana McLean Greeley pada tahun 1729.
6. **Community Church of New York** - adalah gereja yang dipimpin oleh John Haynes Holmes. Gereja ini terkenal dengan progresif anggotanya yang terdiri dari berbagai latar belakang.
7. **Church of the Larger Fellowship** - mempunyai pengikut yang tersebar di seluruh dunia.
8. **First Church** di Boston - adalah gereja tertua di Boston; bangunannya dibina oleh Paul Rudolph.

⁵³ Allen, Joseph Henry (1882), *Our Liberal Movement in Theology*, Boston, h. 15.

⁵⁴ <http://www.uua.org/> (7 Julai 2009).



9. **First Unitarian Society** - gereja terbesar di Madison.
10. **Wisconsin Church** - adalah gereja Unitarian Universal. Ia diasaskan oleh Frank Lloyd Wright.
11. **King's Chapel** di Boston - dibina pada tahun 1688 adalah salah sebuah gereja tertua di New England. Menerima ahli dari mana-mana aliran Kristian lain. Ahli gereja ini telah mengikut serta dalam perhimpunan *Freedom Trail*.
12. **United First Parish Church**, Quincy, Massachusetts - gereja Unitarian yang menjadi makam Presiden Amerika Syarikat; John Adams dan John Quincy Adams serta isteri mereka.
13. **Unity Temple Oak Park**, Illinois - telah dibina oleh jurutera terkenal Frank Lloyd Wright.
14. **First Unitarian Church of Rochester** adalah gereja Unitarian Susan B. Anthony; bangunannya telah direka oleh Louis Kahn.
15. **First Unitarian Universalist Society of San Francisco**, California - dipimpin oleh paderi Thomas Starr King dari tahun 1860 hingga 1864.
16. **Channing Memorial Church** di Newport, Rhode Island - adalah gereja yang dipimpin oleh Julia Ward Howe selama beliau tinggal di Newport.
17. **Universalist National Memorial Church** - adalah gereja yang dibangunkan oleh bekas Gereja Universalis di Amerika untuk memperingati para tentera dan kelasi Universalis yang terkorban dalam Perang Dunia I, juga berfungsi sebagai "katedral" dari Universalisme di ibukota Amerika Syarikat.

PERKEMBANGAN DAN KEKUATAN UNITARIAN

Unitarian telah berkembang seiring dengan kebangkitan aliran Kristian Protestant sekitar tahun 1600 Masihi, iaitu era kebangkitan evolusi gereja-gereja Kristian. Ketika itu Unitarian dapat mengukuhkan kedudukan mereka di Transylvania, Poland, dan kemudian berkembang ke Britain serta Utara Timur Amerika Syarikat. Pada peringkat awal, setiap gereja Unitarian terpaksa mentadbir secara individual tanpa sokongan gereja-gereja Unitarian lain mahupun daripada pihak berkuasa. Hasil dari perhimpunan dan perjumpaan kumpulan kecil gereja Unitarian; American Unitarian Association telah ditubuhkan. Pada tahun 1961 Masihi, satu delegasi besar-besaran gereja-gereja Unitarian di Amerika Syarikat telah bersetuju untuk menggabungkan American Unitarian Association dan Universalist Church of America⁵⁵.

⁵⁵ Channing, W. E. (1841), *Unitarian Christianity* , Michigan: Grand Rapids, h. 177.



Kesatuan gereja-gereja ini kini dikenali sebagai Unitarian Universalist Association (UUA), merupakan organisasi terbesar di Amerika Syarikat.

Aliran Unitarian kini mempunyai beberapa organisasi yang global dan kukuh seperti; Unitarian Universalist Christian Fellowship (UUCF), General Assembly of Unitarian and Free Christian Churches (GAUFC) di United Kingdom dan Unitarian Christian Association (UCA)⁵⁶. Terbaru sebuah lagi organisasi Unitarian ditubuhkan pada tahun 2000 Masihi dikenali sebagai American Unitarian Conference (AUC)⁵⁷. Penubuhan American Unitarian Conference (AUC) adalah untuk mengembalikan ajaran asal nabi 'Isa a.s. ke dalam gereja-gereja Unitarian. Organisasi terbaru ini lebih bersifat progresif dan mempunyai pendekatan yang praktikal.

Pendokong doktrin Unitarian yang bercanggah dengan doktrin yang dianuti oleh aliran Kristian Orient Orthodox, Eastern Orthodox, Roman Catholic dan kebanyakan Protestant; telah memutuskan bahawa Unitarian tidak dapat mendominasi kawasan atau daerah yang dikuasai oleh Kristian Trinitarian. Justeru perkembangan idea mereka harus bermula di suatu penempatan baru yang tidak bersebelahan dengan gereja-gereja Trinitarian.

ANALISIS

Berdasarkan kepada perbincangan melalui analisis sejarah, perkembangan dan teks Bible secara ringkas, dapatlah diketahui kedudukan serta gambaran sebenar doktrin Unitarianism dalam ajaran Kristian. Karya-karya pemikir teologi Kristian serta kemunculan gereja-gereja Non-Triniti membuktikan wujudnya pergolakan dalam konsep doktrin Triniti yang merupakan tunjang utama keyakinan agama Kristian kini. Fenomena ini sekaligus turut memaparkan persepsi sebahagian penganut Kristian terhadap pegangan akidah mereka khususnya pada 'mengenali' kedudukan 'Isa a.s. yang berbeza-beza kepercayaan. Rentetan daripada perbincangan ini, kita dapati beberapa perkara yang wajar difahami berkaitan ajaran Kristian Unitarian, iaitu:

1. Doktrin akidah Kristian merupakan asas dan akar umbi dalam memahami sejarah kehidupan serta ajaran 'Isa a.s. . 'Isa a.s. sepatutnya menjadi sandaran utama terbentuknya teologi Kristian. Namun begitu, Isa a.s. yang lahir dan membesar dalam agama dan budaya Yahudi telah diketepikan asal-usulnya oleh majoriti penganut Kristian Triniti pada hari ini. Ajaran 'Isa a.s. yang menekankan para pengikutnya agar meneruskan ajaran nabi-nabi terdahulu, iaitu mengesakan Tuhan telah tidak diendahkan oleh majoriti penganut Kristian sehingga melahirkan doktrin Triniti.

⁵⁶ Allen (1882), *op.cit.*, h.56.

⁵⁷ http://en.wikipedia.org/wiki/American_Unitarian_Conference. (7 Julai 2009).



Unitarianism Dalam Ajaran Kristian: Idea, Sejarah Dan Perkembangan

Keadaan ini telah mendorong aliran Unitarian untuk bertindak menyedarkan para penganut Kristian agar meneliti kembali ajaran 'Isā a.s. dengan berpandukan kenyataan-kenyataan Bible yang bersifat Non-triniti.

2. Unitarian telah berusaha mengembalikan ajaran asal Nabi 'Isā a.s. dengan menubuhkan pusat-pusat 'evangelis' – gereja, untuk memastikan ajaran asal 'Isā a.s. dipulihkan dan dikembalikan kepada penganut Kristian. Unitarian merupakan antara aliran yang berpegang kepada keesaan Tuhan dan menganggap 'Isā a.s. sebagai 'utusan' Tuhan, namun sedikit sebanyak 'Isā a.s. juga dianggap memiliki kedudukan yang lebih tinggi daripada manusia biasa tetapi lebih rendah dari Tuhan Bapa. Bukan kerana 'mukjizat' 'Isā a.s. tetapi kerana 'Isā a.s. adalah 'Anak Tuhan' atau 'dari Tuhan'. Konspirasi politik selepas Majlis Nicaea 325 Masihi adalah tarikh yang membubarkan segala ajaran yang dibawa oleh 'Isā a.s.. Justeru, Unitarian menegaskan bahawa doktrin Triniti bukannya doktrin yang diketengahkan oleh ajaran asal Isā a.s. tetapi adalah hasil daripada konspirasi politik dan beberapa kepentingan individu paderi dan pemimpin gereja.
3. Paul merupakan individu terpenting yang bertanggungjawab membawa arus perubahan dalam doktrin Kristian kini. Transformasi yang dilakukan oleh Paul dengan menggarap beberapa bentuk ajaran 'Isā a.s. dan beberapa bentuk ajaran agama pagan dan disulami dengan bentuk pemikiran beliau sendiri telah mewarnai corak dan bentuk ajaran Kristian kini. Ini adalah kerana fakta yang terdapat dalam ajaran 'Isā a.s. tidak pernah menunjukkan apa-apa perubahan terhadap ajaran Nabi Mūsā a.s. yang diwahyukan melalui kitab Taurat. 'Isā a.s. bukan sahaja meneruskan ajaran Mūsā a.s. tetapi telah memperhalusi dan mendalami ajaran Mūsā a.s.. Fakta ini adalah yang didokong oleh Unitarian.
4. Ajaran Kristian sewajarnya tidak dapat dipisahkan daripada merujuk kepada segala isi kandung ajaran yang terdapat di dalam ajaran Yahudi – ajaran asal 'Isā a.s.. Bahkan ahli sejarah Yahudi seperti Ya'qūb al-Qirqīshānī menganggap ajaran 'Isā a.s. adalah sebahagian dari ajaran Yahudi. Ini bererti bahawa sebahagian besar amalan dan tradisi Yahudi merupakan ajaran yang telah dibawa oleh Isā a.s.. Unitarian berusaha untuk membawa doktrin asal ajaran 'Isā a.s. dalam aliran mereka.
5. Gerakan Unitarian adalah di antara aliran yang cenderung untuk memperbetulkan dan memperkemaskan ajaran Kristian. Justeru,



kita dapat terdapat jurang perbezaan yang amat ketara antara doktrin yang dianuti oleh Kristian Triniti dan Kristian Non-Triniti.

6. Kenyataan dari Bible jelas menunjukkan perubahan doktrin Yahudi kepada doktrin baru – Kristian telah diselewengkan melalui proses penyalinan semula Bible. Sehubungan dengan itu, Unitarian telah turut membahaskan isi kandungan Bible yang bercanggah di antara sesuatu pernyataan dengan pernyataan yang lain khususnya yang berkaitan dengan doktrin Triniti dan keesaan tuhan.
7. Pendekatan terhadap ‘mengenali’ ‘Īsā a.s. , menerima ‘Īsā a.s. sebagai ‘Anak Tuhan’ merupakan sesuatu yang tidak dapat diiktiraf oleh aliran Unitarian ini.

Berasaskan perbincangan tersebut, didapati bahawa Unitarian berusaha untuk mengembalikan ajaran asal ‘Īsā a.s. . Namun apabila diperhalusi secara mapan, kita dapat masih lagi banyak percanggahan dalam corak dan bentuk ajaran aliran Unitarian kalau dinilai dari perspektif Islam. Walaupun dalam masa yang sama Unitarian telah menolak dan menafikan doktrin Triniti dan menekankan keesaan tuhan; tetapi prinsip dan konsep keesaan tuhan Unitarian masih lagi jauh berbeza daripada konsep dan ketauhidan Allah dalam ajaran Islam. Adalah wajar perkara ini terus diperlakukan secara tuntas agar kecenderungan Unitarian untuk mengembalikan ajaran asal ‘Īsā a.s. dapat diperkemaskan dan diperkuuhkan dengan menarik mereka kepada ajaran Islam. Ini kerana Islam telah diktiraf sebagai ajaran yang benar dan sahingga ke akhir zaman. Keadaan ini hanya mampu dicapai sekiranya terdapat jalinan dan hubungan secara harmoni di antara agama.

KESIMPULAN

Kebangkitan aliran-aliran yang menolak Triniti secara tidak langsung menjadi suatu ancaman kepada golongan Trinitarian. Walaupun rujukan tekstual aliran Non-Triniti adakah hanya tertumpu kepada kitab-kitab yang tidak diiktiraf oleh gereja-gereja Triniti, seperti *Apocrypha* dan *Septuagint* serta majoriti Kristian Trinitarian yang telah menganggap doktrin kebanyakan aliran Kristian Non-Trinitarian sebagai sesat atau terkeluar dari doktrin Kristian yang diterima pakai, pun begitu masih ramai golongan Kristian yang terpengaruh dengan agenda ‘transformasi doktrin’ mereka iaitu daripada mempercayai Triniti kepada Non-Triniti. Oleh kerana aspek penerimaan doktrin Non-Triniti dianggap bercanggahan dengan tradisi kepercayaan turun-temurun geraja-gereja Kristian, maka golongan Kristian Non-Triniti telah menjadikan pelajar universiti, aktivis, para akademik malah, paderi gereja-gereja Triniti sebagai sasaran utama aktiviti *missionary* mereka. Rentetan kerana menjadi kebiasaannya pengikut Kristian yang hadir ke gereja tidak akan bersoal-jawab dengan pihak paderi,



Unitarianism Dalam Ajaran Kristian: Idea, Sejarah Dan Perkembangan

maka golongan yang dianggap ahli "ilmuan" sahajalah yang dapat menerima kehadiran idea mereka berbanding penganut Kristian umum.

Perkembangan aliran Non-Trinitarian ini agak pantas di dalam dunia Kristian, khususnya di Malaysia. Namun begitu, setakat yang diketahui, belum ada jalinan mana-mana organisasi Islam yang mengadakan hubungan antara agama dengan golongan Non-Trinitarian ini. Ini adalah berkemungkinan disebabkan mereka tidak begitu lagi menonjolkan pemikiran mereka di tengah-tengah masyarakat Islam mahupun Kristian. Selain itu, suasana di Malaysia juga tidak 'memudahkan' gerakan mereka dibuat secara terang-terangan.

Sehubungan dengan itu, walaupun dilihat doktrin Non-Triniti memiliki persamaannya dengan ajaran Islam, khususnya pada penafsiran kedudukan Isa a.s. dan Allah S.W.T., hakikatnya mereka tetap penganut Kristian. Selama mana mereka tidak menerima Rasulullah s.a.w. sebagai utusan yang terakhir Allah S.W.T. dan menolak Islam sebagai Syariah, maka tiada ruang untuk mengatakan mereka adalah 'Muslim'. Ayat-ayat al-Qur'an al-Karim memberikan satu kedudukan yang 'eksklusif' bagi orang-orang Islam dan ajaran Islam.⁵⁸ Selain itu, adalah wajar perjumpaan yang membentuk forum dan perbincangan diadakan di antara badan-badan Islam dan aliran-aliran Non-Trinitarian yang wujud di Malaysia, agar jalinan permuafakatan dan persefahaman dalam mengembangkan Islam disebarluaskan kepada masyarakat Kristian yang semakin keliru dengan teologi sebenar mereka. Ia adalah matlamat utama Rasulullah s.a.w. diutuskan ke dunia ini iaitu menjadikan manusia tunduk kepada mentauhid dan mengesakan Allah S.W.T. semata-mata.

⁵⁸ Surah Alī 'Imrān 3:19, 85; Surah al-Mā'idah 4:3



RUJUKAN

- Al Kitab: Berita Baik (2001), Selangor: Bible Society of Malaysia.
- Allen, Joseph Henry (1882), *Our Liberal Movement in Theology*, Boston.
- Armstrong, Karen (1993), *A History of God*, New York: Ballantine Books.
- Bowker, John (2000), *Oxford Dictionary of World Religion*, New York: Oxford University Press.
- Buehrens, John A. (1989), *A Chosen Faith: An Introduction to Unitarian Universalism*, Massachusetts: Beacon Press.
- Buehrens, John A. (2003), *Understanding the Bible: An Introduction for Skeptics, Seekers and Religious Liberal*. Massachusetts: Beacon Press.
- Channing, W. E. (1841), *Unitarian Christianity*, Michigan: Grand Rapids.
- Charles, R. H. (1916), *The Chronicle of John, Bishop of Nikiu*: terjemahan dari Teks Ethiopic Zotenberga, Australia: Evolution Publishing.
- Christie, Albany James (1867), “Alexander of Alexandria” dalam (ed.) Smith, *Dictionary of Greek and Roman Biography and Mythology*, Boston: Little Brown and Company.
- Cross, F.L. dan Livingstone, E.A. (eds.) (2005), *The Oxford Dictionary of the Christian Church*, New York: Oxford University Press.
- Dewey, John (1934), *A Common Faith (The Terry Lectures Series)*, Yale: Yale University Press.
- Ehrman, Bart D. (2008), *God's Problem: How the Bible Fails to Answer Our Most Important Question-Why We Suffer?* New York: Harper Collin Publisher.
- Gomes, Aan W. (1998), *Unitarian Universalism*. Michigan: Grand Rapids.
- Jefferson, Thomas (1989), *The Jefferson Bible*. Massachusetts.
- Juncker, Gunther (1994), “Christ As Angel: The Reclamation Of A Primitive Title”, *Trinity Journal*, Vol. 15, No. 2.
- Khadijah Mohd. Khambali @ Hambali (1995), ”Triniti menurut agama Kristian”, *Jurnal Usuluddin*, Bil. 2, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.



McLennan, Scotty (1999), *Finding Your Religion: When the Faith You Grew Up with Has Lost Its Meaning*, New York: Harper Collins Publisher Inc..

Nichols, A (1993). *The Panther and the Hind: A Theological History of Anglicanism*, New York: Clark.

Saifuddin Md. Rasip (2002), “Unitarianism in Christianity; A Historical and Textual Analysis”, tesis PhD di Kuliyyah of Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences, Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Vetter, Herbert(2007), *Notable American Unitarians 1936-1961*. Cambridge: Harvard School Library.



